



JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

Irsyad Hukum

Panduan Pelaksanaan Zakat Fitrah

Zakat Fitrah ialah zakat diri yang difardhukan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan muslim yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Zakat fitrah wajib dibayar berdasarkan kepada di mana seseorang itu berada ketika masuknya waktu wajib untuk zakat fitrah, iaitu bermula daripada terbenam matahari akhir Ramadhan sehingga terbenamnya matahari 1 Syawal. Akan tetapi, melihat kepada realiti semasa berdasarkan *ihityati* (berhati-hati), **diharuskan** membayar zakat fitrah lebih awal seperti yang diriwayatkan daripada sebahagian para Sahabat. Ringkasnya hukum waktu mengeluarkan zakat fitrah adalah seperti berikut;

- a. **Waktu wajib** – Apabila terbenam matahari pada hari terakhir Ramadhan
- b. **Waktu harus** – Apabila masuk sahaja bulan Ramadhan
- c. **Waktu terbaik** – Pagi hari raya (sebelum solat hari raya)
- d. **Waktu makruh** – Selepas solat hari raya hingga terbenam matahari hari raya
- e. **Waktu haram** – Selepas terbenam matahari pada hari raya pertama **serta wajib segera diqadha**

Namun begitu, dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan penularan wabak CoVid-19 sekarang ini ramai umat Islam yang hilang punca pendapatan dan mungkin termasuk dalam golongan yang tidak berkemampuan. Walaupun begitu kewajipan mengeluarkan zakat fitrah tetap wajib ditunaikan oleh seorang muslim untuk diri dan keluarga atau tanggungannya apabila cukup syarat-syaratnya seperti berikut;

- a) Individu yang mempunyai lebih makanan atau hartanya dari keperluan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya.
- b) Individu yang memperolehi dua bahagian waktu iaitu akhir Ramadhan dan awal Syawal seperti anak yang lahir sebelum matahari jatuh pada akhir bulan Ramadhan dan hidup selepas terbenam matahari.
- c) Memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada akhir bulan Ramadhan dan berkekalan Islamnya.
- d) Seseorang yang meninggal selepas terbenam matahari akhir Ramadhan (hendaklah dikeluarkan oleh waris si mati).

Secara asasnya syarat wajib zakat fitrah ialah **mampu**. Maksud mampu ialah mempunyai lebih harta pada malam hari raya dan juga siangnyanya setelah ditolak belanja keperluan diri sendiri dan orang yang berada di bawah tanggungjawabnya merangkumi belanja makanan, pakaian, sewa rumah dan juga hutang semasa.

Hutang yang dimaksudkan di sini ialah bukan harta yang dijadikan kegunaan sehari-harian. Adapun harta yang diperlukan sehari-hari seperti rumah (tempat tinggal), kereta, perkakasan atau perabot, pakaian sehari-hari, buku-buku dan sebagainya tidak termasuk dalam perhitungan. Oleh itu barangan tersebut tidak perlu dijual semata-mata untuk membayar zakat fitrah. Maka sekiranya seseorang itu benar-benar tidak mempunyai lebih harta yang lain daripada harta-harta kegunaan harian tersebut maka dia dikira tidak mampu dan tidak wajib membayar zakat fitrah.

Jika dia **mempunyai lebih harta sedikit sahaja** iaitu diandaikan tidak sampai nilainya satu gantang, maka dia wajib mengeluarkan sekadar yang ada itu sahaja. Jika lebih yang ada cukup untuk zakat fitrah dirinya sahaja, iaitu sekadar satu gantang maka hendaklah dikeluarkan zakat fitrah untuk dirinya sahaja. Jika lebih yang ada itu hanya mencukupi untuk zakat fitrah sebahagian ahli-ahli tanggungannya sahaja, maka hendaklah dikeluarkan zakat fitrah sebahagian mereka **mengikut susunan keutamaan** berikut;

- a) **Dirinya** sendiri
- b) **Isterinya**
- c) **Anaknya yang kecil**
- d) **Bapanya** (jika bapanya berada di bawah tanggungan nafkahnya),
- e) **Ibunya** (jika berada di bawah tanggungan nafkahnya),
- f) **Anaknya yang dewasa** (jika tidak mampu mencari pendapatan sendiri)
- g) **Hambanya**.

Namun setelah tiba waktu wajib mengeluarkan zakat (bermula daripada terbenam matahari akhir Ramadhan sehingga terbenamnya matahari 1 Syawal) dia masih tidak memiliki lebih harta, maka dia tidak dituntut untuk membayar zakat fitrah sekalipun ada kemungkinan selepas hari raya akan ada lebih harta baginya. Ini adalah kerana yang dihitung bukan kemungkinan akan datang tetapi keadaan yang sedia ada. Orang yang tidak dapat membayar zakat fitrah kerana tiada lebih harta pada masa tersebut, dia **tidak dituntut mengqadhakan** zakat fitrahnya selepas hari raya sekalipun datang kemampuan kepadanya selepas hari raya itu.

Wallahua'lam.

Bahagian Fatwa

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

10 April 2020

Rujukan

1. ***Furu' al-Masail***, Sheikh Daud bin Abdullah al-Fathoni, Juz.1, Hal. 206, Dar al-Kutub al-Islamiah
2. ***Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain***, Sheikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathoni, Hal. 134 & 136, Masalah 269 & 277, Terbitan Jab. Agama Islam Wilayah Persekutuan, 1413/1993